

TEKNOLOGI*Mohd Fadzali Bakar dan Tuan Noorkorina Tuan Kub*

COVID-19 TEKNOLOGI BEKERJA DARI RUMAH

Work from Home atau "Bekerja dari Rumah" (BDR) merupakan istilah yang sangat popular pada masa ini, lebih-lebih lagi ketika dunia dilanda penularan pandemik COVID-19 yang sangat serius hingga berlaku banyak kematian. COVID-19 kini bukan sahaja menjadi wabak penyakit pada peringkat global, malah negara kita, Malaysia turut terkena tempasnya.



Ketika Malaysia dilanda pandemik ini, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia tidak dapat keluar bekerja, bahkan urusan sehari-hari juga amat terhad. Oleh itu, langkah alternatif BDR dengan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi banyak menyelesaikan masalah ini. Walaupun tidak semua bidang pekerjaan sesuai untuk BDR, sekurangnya langkah alternatif ini dapat mengekalkan tahap kecekapan sesuatu pekerjaan. Penggunaan alatan, aplikasi dan perkhidmatan daripada penyelesaian teknologi maklumat dapat mengoptimumkan output BDR.

Secara umumnya, BDR sudah dipraktikkan oleh kumpulan khusus seperti pembangun aplikasi (*apps developer*), penyokong teknikal (*technical support*) dan sebagainya. Namun begitu, kebanyakan industri telah membenarkan pekerja mereka untuk BDR sejak penularan wabak COVID-19 agar keselamatan pekerja mereka lebih terjaga. BDR dipraktikkan di sektor perbankan, pendidikan, kesihatan, kerajaan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pekerja yang BDR berdepan dengan cabaran yang hebat sekiranya mereka tidak menggunakan alatan, aplikasi dan perkhidmatan yang tepat.

Komponen aplikasi dan perkhidmatan/platform boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian utama untuk membantu pekerja dan majikan berinteraksi secara maya. Antaranya aplikasi dan perkhidmatan/platform ini

termasuklah, *Zoom*, *Teamviewer*, *Slack*, *Trello*, *Github*, dan lain-lain. Kebanyakan aplikasi dan perkhidmatan/platform ini boleh dilayari melalui peranti mudah alih dan laman sesawang.

Peranti mudah alih seperti telefon bimbit boleh memuat turun aplikasi/perkhidmatan ini melalui *marketplace* seperti *Google Play Store* dan *Apple Store*. Produk ini diupayakan kolaborasinya dengan perkhidmatan dan perisian (SAAS) seperti *Google G Suite* dan *Microsoft Office 365*. Antara produk atau perkhidmatan yang ditawarkan di dalam setiap komponen, termasuklah telesidang video (*video conferencing*), jaringan maya persendirian (*Virtual Private Network (VPN)*), perkongsian aplikasi desktop (*Desktop Sharing Apps*), aplikasi komunikasi kumpulan (*Team Communication Apps*), dan aplikasi pengurusan projek (*Project Management Tools*).

Telesidang video banyak digunakan dalam industri penjagaan kesihatan, kewangan, kerajaan, dan pendidikan. Perkhidmatan ini biasanya digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (*on the go*) bagi tujuan mesyuarat, perbincangan, seminar web (*webinar*), perbualan teks, perbualan suara, sama ada secara berdua ataupun berkumpulan. Antara kelebihanannya termasuklah menggunakan resolusi berdefinisi tinggi (*High-Definition*), selamat dan tidak boleh dicuri dengar oleh pihak ketiga, boleh menyelaraskan masa dan tarikh mengikut kesesuaian masa yang ditetapkan dalam kalendar, misalnya kalendar *Google G Suite* dan *Microsoft Office 365*.

Jadual 1 Produk telesidang video terkini yang terdapat di pasaran.

Perisian / Platform	Alamat URL
<i>Zoom</i>	https://zoom.us/
<i>Cisco Webex</i>	https://www.webex.com/
<i>Microsoft Skype</i>	https://www.skype.com/en/free-conference-call/
<i>Google Hangout Meet</i>	https://gsuite.google.com.my/intl/en_my/products/meet/
<i>Jitsi</i> (sumber terbuka)	https://jitsi.org/